

# **PUSTAKA NEGERI, UNIMAS DAN UITM ANJUR SIDANG ILMU ANTARABANGSA**

**14 November 2015**

**- The Borneo Post Online**

KUCHING: Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menganjurkan seminar International Knowledge Conference 2015 – ‘Knowledge, The Key to a Better Tomorrow’ pada 16 hingga 17 November ini di Hotel Pullman, di sini.

Seminar tersebut dijangka dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem pada 16 November jam 9.30 pagi.

International Knowledge Conference 2015 merupakan lapangan penyelidikan dan pengamal terutama di rantau ASEAN berhubung komuniti penyelidikan antarabangsa bagi pertukaran idea dan perkongsian ilmu dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat, Pengurusan Ilmu, Pengurusan Arkib dan Rekod serta lain bidang berkaitan.

Kumpulan sasaran menyertai seminar ini adalah golongan pustakawan, pegawai arkib, pembuat dasar, pelajar, ahli akademik dan sesiapa sahaja berurusan ilmu pengetahuan baik secara aktif mahupun sebaliknya.

Sebanyak 34 kertas kerja dijangka dibentangkan pada seminar ini oleh pembentang dalam dan luar negara termasuk Singapura, Indonesia, India, Iran, Algeria, Afrika Selatan dan Uganda.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Japri Bujang Masli atau Razak Rambill di talian 082-442000 sambungan 102/348 atau emel [japribm@sarawak.gov.my](mailto:japribm@sarawak.gov.my) dan